

15/05/2001

Isu politik wang gear kepimpinan Umno Kedah

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PERSIDANGAN perwakilan Umno bahagian berakhir dua minggu lalu. Di Kedah, tempoh sebulan berkempen berlangsung hebat dan wujud ketegangan di beberapa bahagian.

Beberapa Ketua Bahagian gagal mempertahankan jawatan, manakala ada yang memberi laluan kepada calon lain dan bertanding jawatan timbalan pula tewas.

Antara yang tewas ialah bekas Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr Affifudin Omar di Padang Terap, Datuk Hanafi Ramli (Jerlun) dan Datuk Zakaria Said (Kuala Kedah).

Zakaria lebih malang kerana gagal merebut jawatan Timbalan Ketua selepas menyerahkan jawatan ketua kepada Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain.

Seperti biasa, politik wang terus menjadi bahan bualan bukan saja di kalangan pemimpin yang menggesa supaya tabiat kotor itu dihentikan, malah di kalangan ahli yang menjadi perwakilan.

Tidur dan makan di hotel, pesan apa saja di kedai makan, percutian, kasut dan baju baru adalah antara bualan harian menjelang persidangan perwakilan.

Laporan demi laporan dibuat kepada pucuk pimpinan sehingga ada beberapa kes yang lengkap dengan bukti disiasat oleh Lembaga Disiplin Umno. Hasilnya, seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dikenakan tindakan disiplin larangan memegang sebarang jawatan, sekali gus membatalkan jawatan Ketua Bahagian Baling yang dimenangnya.

Datuk Zainol Md Isa bagaimanapun menafikan terbabit dalam politik wang seperti yang didakwa dan secara tegas menyatakan tuduhan yang dilemparkan terhadapnya tidak berasas sama sekali.

Selain tegas untuk terus memegang jawatan Exco dan berpendapat imej Umno tidak tercalar berikutan keengganannya melepaskan jawatan, beliau mendakwa tidak berasa bersalah kerana tidak terbabit dalam politik wang.

"Saya tidak rasa apa-apa salah kerana saya dituduh menggunakan persatuan belia yang sebenarnya program itu diatur oleh kerajaan negeri dan bukannya politik wang," kata beliau dalam satu laporan akhbar, baru-baru ini.

Syed Razak pula berkata, beliau akan mengekalkan Zainol sebagai Exco Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar sekurang-kurangnya sehingga tamat tempoh setahun pelantikan pada Disember ini.

Menurut Syed Razak, tindakan terhadap Zainol hanya membabitkan parti dan beliau (Zainol) boleh mengambil bahagian dalam pelbagai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Bagaimanapun, ada juga yang berpendapat sebaliknya. Selain Pemuda Pas Kedah yang membuat laporan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) pada Ahad lalu, kalangan penyokong Umno turut tidak bersetuju dengan pengekalan Zainol.

Mereka berpendapat, Zainol perlu melepaskan jawatan atau Menteri Besar menggugurkannya bagi membuktikan betapa Umno serius membanteras politik wang.

Menurut mereka, bagaimana mungkin jawatan kerajaan yang dipegang oleh Zainol berdasarkan kedudukannya dalam Umno kekal apabila parti mengenakan tindakan disiplin terhadapnya.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad acap kali menegaskan supaya ahli menolak pemimpin yang terbabit dalam politik wang sejak beberapa tahun lalu.

Paling baru ketika berucap pada majlis memperingati pejuang bersama veteran parti, di Kuala Lumpur pada Jumaat lalu.

Antara lain, Dr Mahathir mahu ahli Umno menolak pemimpin parti yang mengamalkan rasuah supaya tidak mengecewakan orang Melayu terhadap kewibawaan Umno dalam menjamin masa depan mereka.

Malah, kata Perdana Menteri, beliau sendiri rela disingkir daripada jawatan jika didapati terbabit dalam rasuah.

Justeru, jika berdasarkan kenyataan Dr Mahathir itu, adalah wajar penyokong Umno mahu Zainol berundur bagi menjaga kepentingan parti dan kerajaan.

Bagaimanapun, mana mungkin Zainol mahu melepaskan jawatan kerana beliau tegas menyatakan tidak bersalah, sebaliknya teraniaya. Beliau seolah-olah mempertikaikan keputusan bersalah yang diputuskan oleh Lembaga Disiplin Umno dan mahu mengekalkan jawatan dalam kerajaan.

Di sini mungkin timbul masalah kerana Zainol tetap dengan pendirian tidak bersalah walaupun hukuman telah dijatuhkan dan pada masa yang sama, Dr Mahathir sendiri mahu membersihkan Umno daripada gejala politik wang.

Kini terpulang kepada Umno sendiri. Apa tindakan yang perlu dilakukan kerana Dr Mahathir sendiri menganggap politik wang adalah penyakit yang perlukan pembedahan dan dibuang semuanya.

(END)